



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	KOSMO
Date	6/1/2011

Tun Mahathir janggal diinterview Siti Nurhaliza

Oleh FAIZAL SAHARUNI
faizal.saharuni@kosmo.com.my

PETALING JAYA - Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengaku berasa janggal apabila ditemu bual oleh penyanyi nombor satu negara, Datuk Siti Nurhaliza Tarudin sebagai salah seorang tetamu dalam program bual bicara pertama artis itu yang diberi nama *Siti*.

Tokoh negarawan berusia 85 tahun itu berkata, beliau sebelum ini hanya mendengar Siti Nurhaliza menyanyi ketika mengadakan persembahan pentas.

"Ini merupakan kali pertama saya ditemu bual oleh Siti. Saya rasa ganjil sedikit. Namun, saya dapati dia sangat fasih sewaktu mengendalikan program pertamanya ini.

"Malah, saya nampak dia cepat dan mahir menjadi seorang pengacara dengan melontarkan soalan-soalan yang bernas," jelasnya ketika ditemui pada rakaman



TUN Dr. Mahathir ketika ditemu bual Siti Nurhaliza di Petaling Jaya semalam.

episod pertama *Siti* di Filem Negara Malaysia di sini semalam.

Mahathir melihat program *Siti* sebagai platform terbaik bagi memberi peluang kepada para tetamu jemputan berkongsi pendapat dan ilmu kepada penonton.

"Saya juga tidak keting-

galan dapat menyampaikan ilmu dan pengalaman berguna kepada masyarakat menerusi program ini," katanya.

Sementara itu, Siti Nurhaliza juga tidak ketinggalan meluahkan perasaan gemetar mengendalikan program *Siti* khususnya bertemu ramah Mahathir.

"Nasib baik semuanya berjalan lancar kerana sepanjang temu ramah ini, secara tidak langsung menerima tempas aura dan semangat beliau," ujar Siti.

Program *Siti* bakal ditayangkan di Astro Ria (Saluran 104) pada setiap Sabtu dan Ahad pukul 9 malam bermula 12 Februari depan.